

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji perbandingan *kata nama* bahasa Arab dan bahasa Melayu yang merupakan satu unsur yang penting dalam bidang morfologi.

Pendekatan yang digunakan ialah teori perbandingan di antara kedua-dua bahasa atau lebih, yang dicadangkan oleh *Robert Lado* dalam mempelajari bahasa sasaran (B2). Menurutny, mempelajari unsur-unsur persamaan di antara kedua-dua bahasa akan memudahkan bagi pelajar bahasa Ibunda (B1), sedangkan unsur-unsur perbezaan akan dirasakan sebagai satu kesukaran. Walaupun terdapat beberapa linguist lain yang mengkritik teori tersebut, tetapi pada hakikatnya mereka juga menghargai teori tersebut.

Dalam melakukan kajian ini penulis mengumpulkan data yang terdiri daripada kata nama-kata nama kedua-dua bahasa Arab dan Melayu, penggolongan dan jenis-jenisnya, serta fungsi dan maknanya menurut acuan morfologi, dan seterusnya membuat suatu perbandingan untuk mengetahui persamaan dan perbezaannya. Matlamat dan tujuannya bagi memudahkan pelajar (B1) dalam mempelajari bahasa sasaran (B2).

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kata nama dalam bahasa Arab dan Melayu pada amnya mempunyai persamaan dalam berbagai-bagai fungsi dan makna, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan yang lain, antaranya ialah dalam mengenal kata nama bahasa Arab mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tidak sama dengan ciri-ciri kata nama bahasa Melayu, begitu juga pola dan pembentukannya, yang berbeza. Selain itu, dalam perkataan

bahasa Arab terdapat pola-pola yang tidak sama dengan pola perkataan BM seperti pola *tathniyat* (dual), jamak (plural), *maṣḍar ṣinā'iy*, *ṣiḡḡat muḥālaghat*, *taṣghīr*, *nasab* dan lainnya.....Perbezaan-perbezaan tersebut sangat wajar kerana terdapat perbezaan rumpun kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

ABSTRACT

This thesis is an attempt to study the nouns, as an important element in morphology, between Bahasa Malaysia and Arabic comparatively.

An approach has been made in this study, that is, the comparative study, which has been proposed by *Robert Lado* in studying the second languages (L2). According to him, that, studying the similarities between two languages will help the students of the native speakers (L1) to understand the second language (L2) although the difren element of the language is seem to be difficult for them. So far some linguists criticized that theory, but actually they respected his attempt.

In this study the writer will in the first step try to collect as much as possible the nouns in the two languages and categorize them in their types, functions and meanings. Secondly, will analyze them in order to know their similarities and dissimilarities. The aim of this study is to help the native speakers student (L1) in studying foreign language (L2).

Analysis that has been made shows that nouns in Arabic and Bahasa Malaysia in generally have similarities in their function and meanings, although there are dissimilarities found. In Arabic nouns, for instance, have special qualities, structure and formation which totally different from Bahasa Malaysia. At the another hand, nouns in Bahasa Malaysia have not dual structure (*tathniyat*) like in Arabic, or plural (*jama'*), *maşdar şinā'iy*, *şīghat*, *mubālaghat*, *taşghīr*, *nasab*, and so on. These dissimilarities are, of course, derived from the different of the two languages' family.